

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

Soalan- soalan Yang Sering Ditanya (FAQ)

Adakah Allah agama Islam sama dengan Allah dalam Alkitab? Adakah Muhammad bernubuat dalam Alkitab?

Jawapan: Ya dan Tidak

Penjelasan: Orang-orang Muslim menggunakan perkataan Allah sebagai nama untuk Tuhan Nabi Ibrahim. Perkataan "Allah" juga digunakan oleh orang-orang Kristian dalam Alkitab Arab sebagai perkataan untuk Tuhan. Kitab suci Muslim, Qur'an, penuh dengan rujukan-rujukan kepada orang-orang dan nabi-nabi di dalam Alkitab. Ini adalah satu senarai pendek orang-orang di dalam Alkitab yang boleh dijumpai hanya dalam empat ayat Qur'an (bab 6, ayat 84-87): Ibrahim (Abraham), Ishak, Yakub, Nuh, Daud, Saul, Ayub, Yusuf, Nabi Musa, Harun, Zakharia, Yohanes, Elia, Yesus, Ismail, Elisa, Yunus, dan ramai lagi. Terdapat berdozen-dozen rujukan-rujukan lain yang sama dengan orang-orang Alkitab dalam Qur'an. Walaupun orang-orang ini semuanya disebut dalam Qur'an dan Alkitab, ini tidak bermakna bahawa orang Islam dan orang-orang Kristian setuju tentang Tuhan.

Rujukan-rujukan kepada nama-nama orang dari Alkitab di dalam Qur'an semestinya menunjukkan bahawa Muhammad dipengaruhi dalam pelbagai aspek dengan pengajaran Yahudi dan Kristian. Bagaimanapun ideanya mengenai Tuhan tidak termasuk konsep-konsep penting orang-orang Kristian tentang Tuhan. Contohnya orang-orang Muslim adalah pengamal unitarian dan orang-orang Kristian adalah trinitarian. Islam tidak mengenal Allah sebagai Bapa, Anak dan Roh Kudus. Di samping itu orang-orang Muslim menafikan bahawa Yesus mati di kayu salib dan dibangkitkan dari maut.

Adakah Muhammed diramalkan di dalam Alkitab?

Orang Islam sering menekankan dua teks dalam Alkitab sebagai bukti bahawa kedatangan Muhammad juga telah diramalkan dalam Alkitab. Dalam Ulangan 18:15: "Sebaliknya Tuhan, Allah kamu akan mengutus (orang-orang Israel) seorang nabi kepada kamu; nabi itu (Musa) akan seperti aku dan dia seorang di antara saudaramu sendiri; kamu mesti taat kepadanya."

Orang-orang Muslim cuba mengatakan bahawa orang-orang Ishmael adalah "saudaramu sendiri" yang disebut dalam teks ini. Muhammad dikatakan adalah keturunan Ishmael daripada seorang anak lelaki (sama ada Nebajoth atau Kedar). Bagaimanapun dalam Ulangan 17:15 bangsa-bangsa Israel menerima arahan-arahan khusus berkenaan dengan raja-raja menggunakan kata-kata yang sama: "Pastikanlah bahawa orang yang kamu pilih

menjadi raja itu adalah orang yang dipilih oleh Tuhan. Raja itu mesti orang bangsa kamu sendiri. Jangan pilih orang asing menjadi raja kamu.” Dari konteks itu dengan jelasnya diperlihatkan bahawa perkataan “saudara” di sini bermaksud seseorang yang berasal dari di kalangan bangsa Israel sendiri. Para rasul percaya bahawa Yesus adalah “Nabi” yang disebut dalam Ulangan 18 (Lihat Kisah Para Rasul 3:22-23 dan 7:37).

Ayat-ayat utama lain yang juga dipetik oleh orang-orang Muslim adalah Yohanes 14:16-18 dan 16:7-15. Kadang-kala orang-orang Muslim cuba untuk mengatakan bahawa orang-orang Kristian mengubah perkataan-perkataan asli Yunani mengenai “pembantu atau penghibur”. Bagi mereka perkataan asal/aslinya bukan “pembantu atau penghibur” (parakletos dalam bahasa Yunani) tetapi “periklytos” bermakna “yang termulia atau yang dihormati.” Mereka mengatakan bahawa ini merujuk kepada Ahmad, salah satu nama Muhammad, yang bermaksud “yang dipuji”. Yang pentingnya adalah sebenarnya tiada teks Yunani Yohanes 14 dan 16 yang menggunakan perkataan “periklytos” dan bukan “parakletos.” Di samping itu aktiviti-aktiviti Roh Kudus yang disebut dalam teks-teks tersebut tidak padan dengan kehidupan Muhammad.

Anda boleh mendapatkan bahan tambahan mengenai orang-orang Muslim dan kepercayaan-kepercayaan Islam dalam laman web kamu: <http://www.30-days.net>
